

CNS9760

U PB 21-03 00190 BA271

aab

Mahathir - Sabah (Bergambar)

DR MAHATHIR HARAP ERA BARU DJBINA DI SABAH

KUALA LUMPUR, 21 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berharap satu era baru akan bermula di Sabah dengan terbentuknya kerajaan Barisan Nasional (BN) di negeri itu minggu lepas.

Perdana Menteri berkata keadaan seumpama itu dapat diwujudkan memandangkan perlantikan Tan Sri Sakaran Dandai sebagai Ketua Menteri Sabah yang baru diterima oleh semua pihak di negeri itu.

"Saya harap akan terbentuk satu era baru di Sabah," katanya kepada pemberita ketika ditanya mengenai pembentukan kerajaan baru di Sabah selepas beliau melancarkan buku "Pembuatan Kereta Nasional - Bukan Hanya Topian" di sini, hari ini.

BN membentuk kerajaan negeri Sabah yang baru apabila menguasai majoriti kerusi Dewan Undangan Negeri selepas beberapa anggota Dewan dari Parti Bersatu Sabah (PBS) meninggalkan parti itu dan menyertai parti komponen BN. Sakaran mengangkat sumpah sebagai Ketua Menteri menggantikan Datuk Joseph Pairin Kitingan, yang meletak jawatan.

Perdana Menteri berkata barisan anggota Kabinet Sabah masih belum ditentukan dan perkara itu akan dibincangkan pada mesyuarat dewan tertinggi BN, yang akan dipengeruskannya di sini malam esok. -- lagi

▼21/03/14-25MST

CNS9762

U PB 21-03 00156 BA272

aab

Mahathir -- Sabah 2 Kuala Lumpur

Mengenai kemunculan parti-parti baru di Sabah setakat ini, yang turut menyatakan keinginan untuk menyertai BN, Dr Mahathir berkata keadaan itu perlu dikaji terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan dibuat mengenainya.

"Kita perlu tengok. Barangkali (pembunuhan parti-parti itu) perlu. Barangkali ada perselisihan fahaman sedikit," katanya.

Selaras dengan itu, beliau memberi jaminan bahawa BN akan memenuhi janji bahawa jawatan Ketua Menteri akan dipegang secara bergilir-gilir dua tahun sekali di antara parti-parti komponennya.

Bagaimanapun, ketika ditanya kemungkinan pemimpin kaum Kadazan yang dipilih memegang jawatan itu mungkin dari UMNO dan bukannya dari parti komponen BN yang lain, Dr Mahathir berkata: "Kita akan memikirkannya apabila kita tiba pada peringkat itu."

Ketua Penerangan UMNO Sabah Haji Abdul Karim Ghani hari ini dilaporkan berkata bahawa giliran bagi jawatan itu tidak akan diasaskan daripada parti ke parti di kalangan parti komponen BN tetapi berdasarkan kumpulan etnik.

-- lagi

▼21/03/14-30MST

CNS9775

U PB 21-03 00134 BA275

aah

Mahathir - Sabah 3 (akhir) Kuala Lumpur

Dengan itu, katanya, pemimpin Kadazan yang dipilih mungkin merupakan anggota UMNO.

Ditanya mengenai pengganti Sakaran, yang meletak jawatan sebagai Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi bagi membolehkannya menjadi Ketua Menteri, Perdana Menteri berkata perkara itu masih belum ditentukan lagi.

Bagaimanapun, beliau menyatakan kemungkinan besar kekosongan jawatan itu akan diisi oleh seorang Anggota Parlimen dari negeri Sabah.

Dr Mahathir, yang juga ditanya mengenai kemungkinan penggunaan pasport dihapuskan bagi meningkatkan integrasi nasional di antara Sabah dan negeri-negeri di Semenanjung, berkata perkara itu perlu diputuskan oleh rakyat Sabah sendiri.

"Memang jangan apabila kita terpaksa menggunakan pasport di dalam negara kita sendiri. Tetapi kita memahami kebimbangan mereka dan kita akan mengambil kira perkara itu," kata beliau. -- Bernama

JO SIA

21/03/14-43MST